

# Mahathir tolak dakwaan pemimpin UMNO berkempen

UM 23 MAY 1983

SEREMBAN, 22 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan pihak-pihak tertentu yang menyatakan bahawa kesibukan pemimpin-pemimpin UMNO menghadiri mesyuarat-mesyuarat parti semata-mata kerana untuk berkempen menghadapi pemilihan pucuk pimpinan parti tahun depan.

“Adalah menjadi amalan bagi pemimpin-pemimpin UMNO mendekati rakyat dan penyokong-penyokong mereka setiap masa,” katanya.

Berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Mantin di sini pagi ini, Datuk Sri Dr. Mahathir meminta ahli-ahli UMNO supaya jangan mendengar dakwaan-dakwaan yang menyatakan bahawa terdapat pemimpin-pemimpin yang meninggalkan tugas rasmi mereka dan pergi ke sana ke sini dengan tujuan untuk kepentingan diri sendiri.

“Sudah menjadi tanggungjawab mereka menghadiri mesyuarat di semua peringkat parti bagi mengeratkan perhubungan dengan ahli untuk menjamin perpaduan dalam parti,” tegas Perdana Menteri.

Katanya, sebagai parti politik, UMNO memang mempunyai musim-musimnya apabila mesyuarat-mesyuarat di peringkat cawangan dan bahagian diadakan sebelum perhimpunan agung setiap tahun.

Tetapi, tambah beliau, malangnya apabila pemimpin-pemimpin UMNO dijemput untuk melakan upacara perasmian, ia telah menarik perhatian

setengah-setengah orang yang berkata pemimpin-pemimpin itu "sibuk merasmikan mesyuarat di sana sini kerana hendak berkempen bagi pemilihan tahun depan."

Tegasnya, perkara itu ditimbulkan oleh orang-orang yang irihati dengan keadaan tenang dan maju di negara ini dan cuba membangkitkan berbagai perasaan tidak baik khususnya dalam UMNO kerana ia merupakan teraju kerajaan.

Beliau menambah bahawa amalan pemimpin-pemimpin UMNO yang sentiasa mendekati rakyat dan para penyokong mereka telah mengukuhkan lagi kedudukan parti itu.

"Saya percaya tradisi ini akan terus berkekalan kerana ia penting untuk mengekalkan kedudukan parti tersebut sebagai parti pemerintah di negara ini," katanya.

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa di beberapa buah negara lain, perhubungan di antara pemimpin dengan rakyat tidak begitu erat seperti yang terdapat di negara ini.

Di negara-negara itu, kata Perdana Menteri, pemimpin-pemimpin parti pemerintahnya hanya berhubung rapat dengan rakyat apabila tiba masa untuk pilihanraya.

"Setelah dilantik, mereka akan memutuskan perhubungan dengan

para penyokong mereka.

"Sistem yang dianuti oleh mereka itu berlainan dari apa yang kita amalkan dalam UMNO," jelas beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya menyeru orang-orang Melayu supaya membuktikan kepada negara dan masyarakat antarabangsa bahawa mereka bukan lagi satu bangsa yang boleh dianggap "malas dan lemah."

Menurut Perdana Menteri, sebuah kamus antarabangsa tidak lama

dulu pernah mentakrifkan orang-orang Melayu sebagai "bangsa yang malas dan tidak boleh dipercayai."

"Kita telah pun membuat protes terhadap kenyataan itu tetapi selagi kita tidak sanggup bekerja kuat dan bersikap jujur, selagi itulah kita akan menjadi lemah," tegasnya.

Beliau menyeru ahli-ahli UMNO supaya menunjukkan tauladan yang baik dengan membuktikan kesanggupan mereka untuk bekerja dengan lebih tekun.

"Kalau kita boleh tunjuk tauladan yang baik, soal maruah tidak akan timbul kerana mahu tak mahu mereka mesti hormat kita," tambah beliau.